

Isu Spratlys perlu diselesai melalui rundingan

U.M. - 1 JUN 1975

(P)

ALUR SETAR 31 Mei — Malaysia yang turut menuntut hak ke atas kepulauan Spratlys berpendirian isu tuntutan itu perlu diselesaikan melalui rundingan.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, asas-asas untuk rundingan itu perlu ditentukan sama ada ia berpunca daripada sejarah, tradisi atau undang-undang.

"Kalau kita sudah tentukan mana-mana satu prinsip itu, maka kita akan

selesaikan masalah mengikut prinsip itu dan tidak menggunakan prinsip penyelesaian yang hanya menguntungkan kita," katanya mengulas perkara itu.

Malaysia merupakan salah satu daripada enam negara termasuk Brunei, China, Filipina, Taiwan dan Vietnam yang menuntut kepulauan yang kaya dengan minyak di laut China Selatan.

Negara-negara Asia yang berusaha mengelakkan

konfrontasi berhubung tuntutan bertindih ke atas kepulauan itu mengadakan mesyuarat untuk membincangkan pembangunan bersama di kawasan itu di Manila hari ini.

"Malaysia akan membuat cadangan bagi menyelesaikan masalah itu," kata Perdana Menteri kepada pemberita yang menghadiri majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidiladha di kediaman beliau di Titi Gajah di sini hari ini.

Keadaan mengenai pilih-

an raya umum Kemboja anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perdana Menteri berkata, keadaan di negara itu semakin cerah kerana lebih 90 peratus rakyat negara itu keluar mengundi.

Selain itu tidak ada rusuhan dan tidak ada serangan oleh pihak Khmer Rouge secara ketara, katanya.

Ini bermakna keputusan boleh diterima oleh majoriti rakyat Kemboja, ujarnya.